



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
PENGILANGAN**

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Cukai Barang dan Perkhidmatan Secara Umum .....	1
<b>OPERASI AM INDUSTRI.....</b>	<b>1</b>
<b>PRINSIP AM CBP UNTUK PENGILANG-PENGILANG .....</b>	<b>2</b>
<b>LAYANAN GST UNTUK INDUSTRI .....</b>	<b>3</b>
Input Pengilangan.....	3
Output Pengilangan.....	4
<b>JUALAN KONSAINMEN.....</b>	<b>6</b>
<b>EKSPORT .....</b>	<b>8</b>
<b>PEMAJAKKAN KELUAR/MASUK (KERJA SUB-KONTRAK) .....</b>	<b>9</b>
Aktiviti pengilang tol.....	10
<b>SOALAN LAZIM .....</b>	<b>11</b>
<b>MAKLUMBALAS DAN KOMEN .....</b>	<b>25</b>
<b>BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>25</b>

## **PENGENALAN**

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniaga dalam memahami perkara berkaitan dengan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas pengilangan.

### **Cukai Barang dan Perkhidmatan Secara Umum**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai di Malaysia kecuali bagi pembekalan dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, namun hanya nilai ditambah di setiap peringkat sahaja akan dikenakan cukai dan ini mengelak dari berlakunya kesan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai "orang berdaftar". Seorang orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

### **OPERASI AM INDUSTRI**

5. CBP meliputi semua rangkaian pembekalan dalam ekonomi seperti pengilangan, pengedaran dan peruncitan. Hampir semua pembekalan dalam sektor pengilangan adalah tertakluk kepada CBP termasuk jualan barang siap, stok, harta modal dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada establismen lain.

6. Pengilang, yang merupakan orang kena cukai, adalah dikehendaki mengenakan CBP ke atas pembekalan bercukai berkadar standard apabila ianya dijual kepada para pembeli. Di samping itu, pengilang dibenarkan untuk menuntut kredit cukai input ke atas CBP yang ditanggung bagi pembelian yang menjadi input kepada perniagaannya. Pembeli yang merupakan orang berdaftar CBP dibenarkan untuk mengimbangi CBP yang ditanggung ke atas perolehan dengan cukai output mereka.

7. CBP yang dikenakan kepada pelanggan ialah “cukai output” dan cukai yang ditanggung oleh pengilang ke atas pembelian perniagaannya dan kos overhead ialah “cukai input”. Cukai output akan diimbangkan dengan cukai input dan jika cukai output melebihi cukai input, baki bersih cukai tersebut kena dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Manakala, jika cukai input melebihi cukai output yang kena dibayar, JKDM akan membuat pembayaran balik lebihan cukai input kepada pengilang.

8. Bagi meningkatkan persaingan di dalam sektor pengeksportan di Malaysia, semua pengeksportan dikenakan cukai pada kadar sifar. Ini bermakna pengeksport tidak memungut cukai output bagi pembekalan mereka. Pengilang-pengilang yang berorientasikan eksport layak untuk Skim Pedagang Diluluskan (SPL). Di bawah skim ini, pengilang boleh menggantungkan pembayaran CBP bagi barang yang diimport, dengan itu mengurangkan masalah aliran tunai bagi pengimportan.

## **PRINSIP AM CBP UNTUK PENGILANG-PENGILANG**

9. Semua pengilang yang membuat pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai di Malaysia dengan perolehan tahunan melebihi nilai ambang CBP akan menjadi orang kena cukai dan bertanggungjawab untuk berdaftar sebagai orang berdaftar di bawah Akta CBP 20XX. Walau bagaimanapun, bagi pengilang-pengilang yang mana perolehan tahunan mereka tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan, mereka masih boleh memohon untuk pendaftaran secara sukarela.

10. Dalam menentukan nilai pusing ganti (turnover) tahunan ia perlu mengambil kira semua pembekalan barang dan perkhidmatan, tidak termasuk jualan harta modal, pembekalan yang dibuat dalam Kawasan Ditetapkan (Labuan, Langkawi atau

Tioman), dan perkhidmatan yang diimport. Pembekalan bercukai hanya merujuk kepada pembekalan berkadar standard dan berkadar sifar yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan. Pembekalan dikecualikan yang dibuat atau telah dibuat oleh pengilang tidak perlu diambil kira dalam pengiraan nilai pusing ganti tahunan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Pendaftaran*.

11. Sebagai orang berdaftar, seseorang pengilang adalah bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai output ke atas pembekalan bercukai yang dibuat dan layak untuk menuntut kredit cukai input ke atas perbelanjaan yang ditanggung dalam perjalanan atau penerusan perniagaan.

## **LAYANAN GST UNTUK INDUSTRI**

### **Input Pengilangan**

12. Secara asanya, pengilangan melibatkan perolehan barang dan perkhidmatan bagi membuat produk akhir atau apa-apa aktiviti pengilangan yang lain termasuk membekalkan perkhidmatan kepada prinsipal, sebagai contoh dalam kontrak pengilang tol. Semua pembelian untuk perniagaan daripada sumber tempatan atau luar negara akan dikenakan CBP yang dirujuk sebagai cukai input. Di bawah peraturan-peraturan biasa CBP, input bagi pengilang adalah tertakluk kepada CBP pada 6%, kecuali yang diklasifikasikan sebagai pembekalan dikecualikan atau pembekalan berkadar sifar. Input yang biasanya ditanggung oleh seseorang pengilang boleh dikategorikan seperti berikut:-

(a) Harta Modal

Harta Modal ialah barang yang boleh dijadikan modal untuk tujuan perakaunan dan selaras dengan amalan perakaunan yang diterima umum. Harta modal boleh termasuk:-

- (i) Tanah dan bangunan (contohnya pejabat dan premis kilang)
- (ii) Loji dan mesin
- (iii) Peralatan dan perkakasan termasuk peralatan pejabat.

(b) Bahan mentah dan komponen

Ini merupakan barang yang digunakan secara langsung bagi pengilangan barang siap.

(c) Perkhidmatan, utiliti dan caj lain

Perkhidmatan adalah pembekalan selain daripada barang seperti kerja penyelenggaraan ke atas loji dan mesin, caj upah atas kerja sub-kontrak serta khidmat nasihat professional dan perundingan. Caj lain termasuk telefon, sewaan dan caj pengangkutan Walau bagaimanapun, bekalan utiliti seperti air dan elektrik adalah pembekalan barang.

13. Semua CBP yang ditanggung bagi perolehan sama ada dari sumber tempatan atau diimport, dibenarkan untuk tuntutan kredit cukai input selagi ia digunakan untuk tujuan perniagaan kecuali pembekalan yang tertakluk dibawah cukai input disekat seperti yang termaktub dalam Peraturan-peraturan CPB 20XX. Pengilang boleh mengimbangi kredit cukai inputnya dengan cukai output yang berkaitan dengan pembekalan bercukai yang dia bertanggung untuk membayar kepada Ketua Pengarah Kastam.

14. Tambahan lagi, jika pengilang membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan, beliau hanya dibenarkan menuntut cukai input yang berkaitan dengan pembekalan bercukai sahaja. Walau bagaimanapun, jika cukai input dalam penghasilan pembekalan yang dikecualikan adalah di bawah paras "De minimis Limit" (nilai pembekalan dikecualikan tidak melebihi RM5,000.00 sebulan dan tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan nilai pembekalan bagi tempoh tersebut), pengilang masih boleh menuntut cukai input seolah-olah beliau membuat pembekalan bercukai sepenuhnya. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Kredit Cukai Input*.

### **Output Pengilangan**

15. Secara umumnya, semua pembekalan yang dibuat dalam industri pembuatan sama ada ia berkadar standard atau berkadar sifar. Jika pengilang adalah orang yang kena cukai, dia boleh mengenakan CBP ke atas semua pembekalan bercukai (kecuali pembekalan berkadar sifar) yang dibuat untuk pelanggan tempatan.

16. Pembekalan barang bercukai tidak semestinya terhad kepada jualan barang yang dikilang sahaja. Ianya termasuk:

- (a) pelupusan aset perniagaan;
- (b) penggunaan aset perniagaan bukan untuk tujuan perniagaan;
- (c) pemberian perniagaan melebihi RM500.00 diberikan kepada pelanggan yang sama dalam tahun yang sama;
- (d) barang yang merupakan aset perniagaan yang dalam pegangan semasa proses pembatalan;
- (e) manfaat pekerja yang diberi kepada pekerja.

17. Sebagai orang berdaftar CBP, pengilang bertanggung untuk mengakaunkan cukai output ke atas semua pembekalan bercukai yang dibuat. Cukai tersebut mesti diakaunkan dan dibayar pada setiap tempoh bercukai yang berkenaan kepada Ketua Pengarah Kastam. Cukai terlibat dibenarkan untuk dimbangi dengan apa-apa kredit cukai input dan orang berdaftar itu hanya dikehendaki membayar perbezaannya sahaja sekiranya perbezaan adalah positif. Jika cukai input melebihi cukai output yang kena dibayar, Ketua Pengarah akan membayar balik perbezaan bersih tersebut.

18. Di bawah peraturan biasa CBP, orang berdaftar CBP perlu mengeluarkan invois cukai atas setiap pembekalan bercukai yang dibuat. Invois cukai mesti dikeluarkan dalam tempoh 21 hari daripada masa pembekalan dibuat di mana ia akan mewujudkan liabiliti cukai kepada pengilang. Liabiliti cukai adalah berdasarkan peraturan am masa pembekalan.

Untuk barang, peringkat asas cukai adalah:

- (a) apabila barang dihantar kepada pelanggan;
- (b) apabila barang menjadi tersedia untuk kegunaan pelanggan;

Walau bagaimanapun, peringkat cukai asas ini tidak akan terpakai dalam dua keadaan seperti di bawah yang mana dikira sebagai peringkat cukai sebenar:-

- (a) pengilang telah mengeluarkan invois cukai sebelum peringkat asas cukai; atau

(b) apabila bayaran diterima sebelum peringkat asas cukai;  
di mana peringkat cukai sebenar adalah yang mana yang terdahulu.

19. CBP perlu diakaunkan dalam penyata CBP yang meliputi tempoh peringkat cukai itu.

**Contoh 1**

*Syarikat A menghantar barang kepada syarikat B pada 18.7.20XX. Jika Syarikat B tidak membuat apa-apa pembayaran sebelum barang itu dihantar dan Syarikat A hanya mengeluarkan invois cukai pada 2.8.20XX, maka peringkat asas cukai sebenar jatuh pada 2.8.20XX. Ini kerana peraturan 21-hari mengatasi peringkat asas cukai. Syarikat A perlu mengakaunkan cukai dalam tempoh bercukai Ogos 20XX. (Dengan andaian Syarikat A dikelaskan di bawah tempoh bercukai bulanan)*

**Contoh 2**

*Bagi contoh di atas, sekiranya Syarikat B telah tidak membuat pembayaran sebelum barang dihantar pada 18.7.20XX dan syarikat A hanya mengeluarkan invois pada 20.8.20XX, CBP yang kena dibayar akan jatuh kembali pada peringkat asas cukai iaitu pada 18.7.2012. Ini kerana syarikat A hanya mengeluarkan invois setelah tempoh 21 hari daripada peringkat asas cukai. Oleh itu, syarikat A hendaklah mengakaunkan cukai tersebut dalam tempoh bercukai Julai 20XX.*

**JUALAN KONSAINMEN**

20. Dalam kes yang mana pembekalan barang adalah atas jualan atau pulangan atau atas terma yang sama, pembekalan belum berlaku apabila pengilang yang merupakan pemberi konsain menghantar barang kepada penerima konsain kerana pemberi konsain masih memegang hak milik ke atas barang tersebut sehinggalah suatu waktu tertentu apabila penerima konsain menerima barang itu. Menerima bermaksud penerima konsain menyatakan hasratnya untuk menyimpan barang tersebut. Sehingga penerima konsain berbuat demikian, beliau mempunyai hak yang sebenarnya untuk mengembalikan barang itu pada bila-bila masa, melainkan pemberi konsain menetapkan had masa khusus.



21. Masa pembekalan untuk jualan konsaimen adalah terkecuali daripada peraturan am masa pembekalan seperti dalam para 18. Peringkat asas cukai adalah berasaskan kepada:-

- (a) tarikh luput yang ditetapkan oleh pemberi konsain (tidak melebihi 12 bulan dari tarikh penghantaran);
- (b) apabila penerima konsain menerima barang sebelum tarikh yang ditetapkan luput; atau
- (c) 12 bulan dari tarikh di mana barang telah dihantar kepada penerima konsain, jika had masa tidak ditetapkan.

Jika pemberi konsain menerima penyata jualan, ini kebiasaannya menunjukkan bahawa barang itu telahpun diterima. Dengan mengaplikasikan peraturan 21 hari, jika suatu invoice cukai telah dikeluarkan dalam tempoh masa berkenaan dari tarikh pemberi konsain menerima penyata jualan atau selepas dua belas bulan barang dihantar, maka masa pembekalan ialah tarikh invoice cukai.

**Contoh 3:**

*Syarikat A merupakan pengilang yang membekalkan 1000 helai baju ke sebuah pasaraya di Malaysia pada 1 Januari 2016. Barang tersebut dihantar secara konsaimen setelah pemilik pasaraya tersebut bersetuju di atas harga yang ditawarkan oleh pengilang. Pada 5 Julai 2016, syarikat A telah dimaklumkan bahawa sejumlah 200 helai baju telahpun dijual. Syarikat A mengeluarkan invoice cukai kepada pasaraya berkenaan pada 20 Julai 2016 dan menerima bayaran pada 30 September 2016.*

*Peringkat asas cukai bagi barang yang dijual adalah pada 5 Julai 2016, iaitu peringkat di mana jualan barang itu adalah pasti. Walau bagaimanapun, memandangkan invoice cukai telah dikeluarkan dalam tempoh 21 hari daripada peringkat asas cukai, maka ianya mengatasi peringkat asas cukai itu. Oleh itu, masa pembekalan ialah pada 20 Julai 2016. Syarikat A hendaklah mengakaunkan CBP dalam tempoh bercukai Julai 2016. (Andaikan syarikat A tertakluk kepada tempoh bercukai bulanan).*

*Jika pasaraya terbabit merupakan orang berdaftar CBP, ia boleh menuntut cukai input atas pembelian tersebut.*

**Contoh 4:**

*Lanjutan daripada contoh 1 di atas, katakan, baki 800 helai baju tersebut telah tidak dijual dan dipulangkan kepada Syarikat A pada 31 Disember 2016. Dalam keadaan sedemikian, CBP di atas 800 helai baju tersebut tidak kena dibayar kerana tidak berlaku pindah milik barang tersebut. Syarikat A tidak perlu mengakaunkan CBP di atas 800 baju yang tidak terjual yang mana dipulangkan kepadanya sebelum berakhirnya tempoh 12 bulan dari tarikh ianya mula dihantar.*

**Contoh 5:**

*Sekiranya barang yang tidak terjual sepertimana contoh di atas tidak dipulangkan balik kepada Syarikat A pada 1 Januari 2017, Syarikat A hendaklah mengakaunkan CBP yang kena dibayar bagi 800 helai baju tersebut dalam bulan Januari 2017 kerana tempoh 12 bulan telahpun berlalu daripada tarikh asal barang itu dihantar. Oleh itu, peringkat asas cukai ialah pada 1 Januari 2017. Syarikat A hendaklah mengakaunkan CBP berdasarkan kepada harga jualan dalam penyata CBP bagi Januari 2017.*

## **EKSPORT**

22. Semua pembekalan barang yang dieksport dari Malaysia dan perkhidmatan antarabangsa berkadar sifar. Ini bermakna, pengeksport tidak mengenakan CBP bagi pengeksportannya tetapi dia boleh menuntut kredit cukai input atas CBP yang ditanggung ke atas inputnya. Walau bagaimanapun, pengeksport hendaklah menyimpan dokumen sokongan sebagai bukti pengeksportan seperti borang ikrar eksport, inouis dan senarai pembungkusan.

23. Seseorang pengilang tidak layak untuk mengenakan kadar sifar ke atas pembekalan yang dibuat kepada pelanggan luar negaranya, jika barang tersebut tidak dieksport keluar dari Malaysia tetapi dihantar secara tempatan. Ini boleh berlaku dalam kes barang dieksport di bawah nama syarikat logistik atau untuk di

*drop-shipped* kepada pelanggan tempatan kepada pembeli luar negara. Pembekalan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

**Contoh 6:**

*ABC Co. adalah pengilang kontrak yang menghasilkan pemacu komputer kepada pembeli luar negaranya, XYZ Ltd di Jepun. Setelah dihasilkan, hak milik keseluruhan 1,000 unit pemacu komputer dipindahkan kepada XYZ Ltd dan barang itu dieksport ke Jepun. ABC Co adalah layak untuk mengkadar sifarkan pembekalan tersebut kerana barang itu dieksport keluar.*


**Contoh 7:**

*Berpandukan kepada contoh 1, pembeli luar negara meminta ABC Co. untuk menghantar hanya 800 unit barang ke Jepun dan baki (200 unit) dihantar kepada pelanggan tempatnya di Malaysia. Dalam kes ini, pembekalan 800 unit adalah tertakluk kepada kadar sifar dan 200 unit itu akan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

## **PEMAJAKKAN KELUAR/MASUK (KERJA SUB-KONTRAK)**

24. Kebiasaannya su-kontraktor melaksanakan kerja-kerja yang diberi oleh syarikat lain yang dipanggil prinsipal. Prinsipal membekalkan bahan-bahan kepada subkontraktor untuk kerja selanjutnya yang perlu dibuat. Dalam hal ini, tiada pembekalan bercukai daripada prinsipal kerana tidak berlaku pemindahan hak milik barang kepada subkontraktor. Oleh itu, CBP adalah tidak terpakai.

25. Pemajakkan keluar tidak memindahkan hak milik barang kepada subkontraktor. Oleh itu, ia bukanlah pembekalan barang dan prinsipal tidak perlu mengakaunkan cukai output CBP ke atas bahan mentah itu. Walau bagaimanapun, jika subkontraktor adalah orang berdaftar CBP, dia perlu mengakaunkan cukai output CBP atas nilai perkhidmatan yang dibekalkan kepada prinsipal. (Sila lihat contoh di bawah).



**Perakaunan CBP adalah seperti berikut:-**

- ABC Sdn. Bhd. (orang berdaftar) akan mengeluarkan arahan penyerahan biasa atau nota konsainmen kepada XYZ Sdn. Bhd. (orang berdaftar) dan tiada CBP dikenakan.
- XYZ Sdn. Bhd akan mengeluarkan invois cukai kepada ABC Sdn. Bhd apabila barang siap dikembalikan kepada ABC Sdn. Bhd. dan XYZ Sdn.Bhd. perlu mengakaunkan cukai output sebanyak RM900.00 ( $RM15,000.00 \times 6\%$ ) di atas caj upah.
- ABC Sdn.Bhd boleh menuntut RM900.00 (CBP) yang telah dibayar kepada XYZ Sdn. Bhd. sebagai kredit cukai input.
- Jika XYZ Sdn. Bhd. adalah orang tidak berdaftar CBP, tiada CBP kena di atas caj upah.

**Aktiviti pengilang tol**

26. Di bawah aktiviti ini, pengilang tempatan telah diambil oleh prinsipal luar negara yang bukan berada di Malaysia untuk melaksanakan aktiviti nilai tambah ke atas barang yang dibekalkan oleh prinsipal. Barang yang telah diproses akan dieksport kembali kepada prinsipal luar negara dan berpandukan kepada arahan, sebahagian daripada barang yang telah diproses akan dihantar oleh pengilang kepada pelanggan tempatan prinsipal luar negara tersebut. Penghantaran barang yang telah diproses oleh pengilang tol adalah sebenarnya pembekalan yang dibuat oleh prinsipal luar negara yang mana ia merupakan liabiliti prinsipal itu sendiri.

27. Melalui Skim Pedagang Tol Diluluskan (SPT) yang diperkenalkan di bawah CBP, liabiliti prinsipal ke atas barang yang telah diproses akan beralih kepada pelanggan tempatan prinsipal luar negara itu di bawah mekanisme perakaunan penerima. Oleh itu, pelanggan tempatan, sama ada merupakan orang berdaftar ataupun tidak, hendaklah mengakaunkan dan membayar cukai itu seolah-olah dia sendiri telah membuat pembekalan dan perolehan barang tersebut.

28. Di bawah SPT, aktiviti nilai tambah (perkhidmatan kontrak) yang dijalankan oleh pengilang tol adalah diabaikan yang mana bermaksud bahawa tiada CBP akan dikenakan ke atas perkhidmatan berkenaan yang disediakan kepada prinsipal luar negara. Seorang pengilang tol adalah layak memohon untuk SPT jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa:

- (a) Nilai pembekalan yang terdiri dari perawatan atau pemrosesan barang untuk dan kepada seseorang yang tidak berada di Malaysia, iaitu nilai kontrak perkhidmatan ialah RM2 Juta atau lebih (tidak termasuk kos bahan mentah yang dibekalkan atau dimiliki prinsipal luar negara itu) setahun; dan
- (b) Dia mesti mengeksport sekurang-kurangnya 80% daripada barang yang telah diproses.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Skim Pengilang Tol Diluluskan*.

## SOALAN LAZIM

### Pendaftaran

**S1: Adakah semua pengilang bertanggungjawab untuk didaftarkan sebagai orang berdaftar CBP?**

J1: Hanya pengilang yang membuat pembekalan bercukai dan mempunyai nilai pusing ganti tahunan melebihi nilai ambang yang ditetapkan untuk pendaftaran CBP adalah bertanggungjawab untuk didaftarkan sebagai orang berdaftar. Walau bagaimanapun, bagi pengilang yang mana nilai pusing ganti tahunan mereka tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan, mereka masih boleh memohon untuk pendaftaran secara sukarela.

**S2: Jika syarikat saya mempunyai beberapa anak syarikat, adakah saya perlu mendaftar kesemua syarikat tersebut secara berasingan atau sebagai satu kumpulan?**

J2: Anda boleh mendaftarkannya semua anak syarikat sebagai satu kumpulan atau setiap anak syarikat boleh memohon untuk didaftarkan secara berasingan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Pendaftaran*.

### **Input**

**S3: Bolehkah pengilang berdaftar CBP mengira semua CBP yang dibayar untuk perolehan atau pembelian perniagaannya sebagai kredit cukai input?**

J3: Semua CBP yang ditanggung oleh pengilang boleh dikira sebagai kredit cukai input jika dia menanggung CBP itu bagi tujuan perniagaannya. Pengilang boleh mengimbangi kredit cukai input dengan cukai output yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Kastam.

**S4: Adakah CBP dikenakan ke atas bahan mentah dan komponen yang digunakan dalam pengilangan barang untuk tujuan eksport?**

J4: Ya, anda perlu membayar CBP atas semua bahan mentah yang diperolehi oleh anda daripada mana-mana pembekal yang merupakan orang berdaftar CBP. Sekiranya anda memilih untuk mengimport bahan mentah tersebut, CBP kena dibayar pada masa pengimportan. Walau bagaimanapun, jika anda merupakan orang berdaftar CBP, anda layak untuk menuntut kredit cukai input atas semua cukai input yang ditanggung oleh anda.

**S5: Saya adalah syarikat pengilangan yang dikategorikan sebagai syarikat berorientasikan eksport, menanggung CBP yang besar ke atas barang yang diimport. Adakah apa-apa kemudahan untuk tidak membayar CBP dahulu pada masa pengimportan?**

J5: Di bawah mekanisme CBP, apa-apa CBP yang ditanggung di atas perolehan anda sama ada dari sumber tempatan atau diimport adalah tertakluk kepada CBP dan dibenarkan untuk tuntutan kredit cukai input. Walau bagaimanapun, beberapa syarikat berorientasikan eksport yang mempunyai status Zon Perindustrian Bebas dan Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) adalah layak

untuk menggantung pembayaran CBP ke atas semua pengimportan barang pada masa pengimportan di bawah Skim Pedagang Diluluskan (SPL). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Skim Pedagang Diluluskan*.

**S6: Bolehkah saya menuntut CBP yang dibayar atas perbelanjaan pentadbiran?**

J6: Segala perbelanjaan pentadbiran yang ditanggung dalam membuat pembekalan bercukai adalah layak untuk tuntutan kredit cukai input sama ada ianya digunakan secara langsung atau tidak dalam proses pengilangan. Cukai input tersebut boleh dituntut sepenuhnya dengan mengimbangnya dengan cukai output di dalam penyata CBP anda.

**S7: Bagaimana pula dengan CBP yang ditanggung atas harta modal, contohnya sebuah komputer atau bangunan pejabat? Bolehkah saya menuntutnya sebagai kredit cukai input?**

J7: Sebagai orang berdaftar CBP, anda boleh menuntut CBP yang ditanggung bagi harta modal yang digunakan di dalam perniagaan bagi membuat pembekalan bercukai. Cukai input boleh dituntut dalam tempoh bercukai yang mana harta modal itu diperolehi.

**S8: Adakah apa-apa pembelian yang mana cukai input ke atasnya tidak boleh dituntut?**

J8: Pada amnya, cukai input boleh dituntut atas segala pembelian kecuali berikut:-

- (a) barang dan perkhidmatan yang tidak digunakan dalam perniagaan anda;
- (b) barang (selain daripada barang dalam pegangan semasa pendaftaran) dan perkhidmatan yang diperolehi sebelum pendaftaran CBP;
- (c) semua pembekalan yang tersenarai di bawah cukai input yang disekat yang mana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan CBP 20XX. Contoh bagi pembekalan sedemikian adalah kereta penumpang.

**S9: Jika harta modal digunakan untuk membuat pembekalan dikecualikan, bolehkah saya menuntut cukai input sepenuhnya?**

J9: Tidak, tuntutan cukai input ke atas pembekalan dikecualikan adalah tidak dibenarkan.

**S10: Jika harta modal digunakan untuk membuat pembekalan campuran (mixed supply), bolehkah saya menuntut cukai input sepenuhnya?**

J10: Jika anda membuat pembekalan campuran (pembekalan bercukai dan dikecualikan), anda perlu membuat agihan cukai input berdasarkan kepada kadar pembekalan bercukai yang dibuat. Selain itu, jika aset itu digunakan untuk membuat pembekalan campuran dan nilai aset tersebut melebihi RM100,000.00 (tidak termasuk CBP), CBP yang ditanggung atas kos harta modal itu adalah tertakluk kepada pelarasan di bawah Pelarasan Harta Modal. Pelarasan adalah perlu sekiranya berlaku perubahan dalam kadar penggunaan bercukai bagi harta modal tersebut. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Pelarasan Harta Modal*.

**S11: Jika atas sebab-sebab tertentu, seperti barang kurang bermutu atau terdapat kecacatan, saya terpaksa memulangkan sebahagian daripada barang itu kepada pembekal saya, bolehkah saya menuntut CBP yang telah dibayar ke atas barang yang dipulangkan itu?**

J11: Apabila anda memulangkan barang tersebut, pembekal anda sepatutnya memulangkan pembayaran ke atas barang itu dan CBP yang telah anda bayar melalui nota kredit. Jika anda telah membuat tuntutan kredit cukai input atas barang yang dipulangkan itu, anda hendaklah mengurangkan tuntutan cukai input bagi tempoh bercukai yang mana nota kredit itu diterima.

**S12: Saya merupakan pengilang berdaftar di bawah CBP dan memerlukan perkhidmatan tertentu dari luar negara. Apakah tanggungan CBP saya?**

J12: Apabila anda memperoleh perkhidmatan dari luar negara, anda dikira sebagai membuat pembekalan perkhidmatan diimport. Oleh yang demikian, anda perlu mengakaunkan cukai atas perolehan perkhidmatan tersebut yang mana masa pembekalan adalah pada bila pembekalan itu dibayar oleh anda. Walau bagaimanapun, jika anda membuat pembekalan bercukai sepenuhnya, tiada implikasi CBP memandangkan amaun cukai output yang perlu diakaunkan adalah sama dengan amaun cukai input yang dituntut. Tetapi, jika anda membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan juga yang dikecualikan, anda



perlu mengakaunkan cukai output sepenuhnya tetapi anda hanya boleh menuntut cukai input secara bersekadaran.

**S13: Bolehkah saya menuntut cukai input atas nilai keseluruhan (harga belian) mesin yang diperolehi di bawah perjanjian sewa beli?**

J13: Di bawah perjanjian sewa beli, barang dibayar secara ansuran kepada pembekal atau syarikat kewangan yang membiayai pinjaman bagi pembelian tersebut. Anda boleh menuntut cukai input berasaskan kepada nilai keseluruhan harga belian. Walaupun demikian, jika caj faedah dinyatakan secara berasingan atau ditunjukkan dan didedahkan kepada anda, caj faedah di bawah perjanjian jual beli akan tidak tertakluk kepada CBP kerana ia berkaitan dengan pembekalan dikecualikan.

**S14: Apakah implikasi CBP ke atas hartanah atau mesin yang saya perolehi di bawah pajakan?**

J14: Tanggungan CBP di bawah pajakan bergantung kepada jenis pajakan sama ada pajakan operasi atau pajakan kewangan. Di bawah pajakan kewangan, di mana pajakan memberi pilihan untuk membeli atau memindahkan aset pada akhir tempoh pajakan, syarikat yang member pajakan atau institusi kewangan akan mengenakan CBP atas nilai keseluruhan hartanah atau mesin sepertimana layanan CBP di bawah perjanjian jual beli seperti dalam jawapan kepada soalan S13 seperti di atas. Jika ianya pajakan operasi, anda akan dikenakan CBP berasaskan kepada nilai setiap bayaran pajakan. Jika caj faedah didedahkan atau dinyatakan secara berasingan di bawah perjanjian pajakan, elemen faedah tidak akan tertakluk kepada CBP.

**S15: Jika pada akhir tempoh pajakan kewangan, saya memutuskan untuk tidak membeli mesin tersebut, perlukah saya membayar CBP di atas nilai keseluruhan mesin tersebut?**

J15: Ia tidak kira sama ada anda memilih untuk membeli atau tidak. Selagi perjanjian pajakan mempunyai klausa berhubung dengan pilihan untuk membeli barang yang dipajak, ianya adalah diambilkira sebagai pembekalan barang dan nilai keseluruhan barang adalah tertakluk kepada CBP.

**S16: Saya merupakan pengilang barang plastik. Biasanya, saya memperoleh mesin daripada pengilang mesin dengan membuat pembayaran**

**pendahuluan sama seperti pembayaran secara berperingkat sehinggalah mesin itu siap dan sedia untuk diambil. Bagaimanakah caranya saya menuntut cukai input?**

J16: Pembekal mesin anda akan mengenakan cukai output di atas setiap nilai pembayaran yang diterima. Pengilang mesin akan mengakaunkan CBP kepada Ketua Pengarah pada keadaan berikut yang mana terdahulu:

- Apabila anda membuat pembayaran kepadanya; atau
- Apabila invoice cukai dikeluarkan kepada anda.

Anda boleh menuntut cukai input mengikut tempoh bercukai anda, berdasarkan kepada invoice cukai yang anda terima.

**S17: Lazimnya dalam industri pengilangan, kami tidak membuat pembayaran secara tunai untuk pembelian bahan mentah. Kebiasaannya kami diberi kemudahan kredit oleh pembekal kami. Oleh itu, adakah saya boleh menuntut cukai input sebelum saya membuat pembayaran kepada pembekal?**

J17: Ya, dengan syarat anda mempunyai invoice cukai daripada pembekal.

**S18: Bagi barang yang diimport, bagaimanakah nilai dikira bagi pembayaran CBP?**

J18: Pada masa pengimportan, nilai untuk tujuan CBP adalah berasaskan kepada nilai transaksi termasuk insuran dan caj pengangkutan barang, serta semua duti yang kena dibayar dan caj sampingan lain seperti yang ditunjukkan di dalam contoh di bawah:-

Nilai Transaksi	RM	50,000.00
Insuran dan caj pengangkutan barang	RM	2,000.00
Duti import	*RM	5,200.00
Nilai Import:	RM	57,200.00

CBP kena dibayar = RM57,200.00 X 6% = **RM3,432.00**

(\*Dengan andaian Duti Import 10%)

**S19: Pembekal luar negara saya akan mengeluarkan bil kepada saya dalam matawang asing. Bolehkah saya membuat pengiystiharan nilai barang yang saya import mengikut matawang tersebut?**

J19: Pembekal anda boleh mengeluarkan bil dengan menggunakan nilai matawang asing, tetapi untuk tujuan CBP, nilai import hendaklah ditukarkan ke dalam Ringgit Malaysia (RM) berpandukan kepada kadar tukaran mata wang asing yang diterbitkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**S20: Adakah sebarang penangguhan CBP ke atas barang yang dibawa masuk ke dalam Zon Perdagangan Bebas?**

J20: Tiada CBP dikenakan ke atas barang yang diimport ke dalam Zon Perdagangan Bebas (ZPB). Walau bagaimanapun, barang itu akan tertakluk kepada CBP apabila ia dikeluarkan daripada ZPB untuk kegunaan tempatan.

**S21: Oleh kerana saya mengeksport semula barang siap yang berkadar sifar, bolehkah saya mendapat pengecualian daripada membayar CBP apabila saya mengimport bahan-bahan mentah?**

J21: Terdapat skim penangguhan untuk syarikat yang berorientasikan eksport yang dikenali sebagai Skim Pedagang Diluluskan (SPL). Anda boleh memohon untuk menyertai skim tersebut, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Skim Pedagang Diluluskan*.

**S22: Apakah layanan CBP ke atas pengimportan barang berbentuk sampel perdagangan?**

J22: Sampel perdagangan akan diberi pelepasan CBP di bawah Perintah Pelepasan CBP 20XX semasa pengimportan dibuat. Anda hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu sampel perdagangan tersebut bukanlah untuk dijual, diguna pakai, untuk kegunaan biasa atau dengan apa cara lain untuk disewa atau dihadiahkan di Malaysia.

**S23: Saya menghantar barang separa-siap kepada subkontraktor di luar negara untuk aktiviti nilai tambah. Apabila barang yang telah dinilai tambah tersebut dikembalikan oleh subkontraktor kepada saya, perlukah saya membayar CBP?**

J23: Apabila anda menghantar barang separa-siap kepada subkontraktor di luar negara, anda hendaklah menanggung barang itu sebagai eksport dan mengenakan CBP pada kadar sifar. Apabila barang itu dibawa kembali ke Malaysia daripada subkontraktor luar negara, anda layak untuk mendapat pelepasan bagi pembayaran CBP. Walau bagaimanapun, CBP kena dibayar bagi alat ganti atau komponen yang ditambah atas barang yang telah diproses. Sekiranya anda merupakan orang berdaftar CBP, anda boleh menuntut cukai input di atas CBP yang telah dibayar atas barang siap sebagai kredit cukai input. Apa-apa perkhidmatan nilai tambah yang dilakukan ke atas barang tersebut adalah tidak tertakluk kepada duti atau CBP.

**S24: Sekiranya saya mengeksport produk ke luar negara, bolehkah saya menuntut kredit cukai input atas pembekalan berkadar sifar?**

J24: Pembekalan berkadar sifar dikenakan cukai pada kadar sifar peratus, sebagai contoh barang yang dieksport ke luar negara. Untuk pembekalan berkadar sifar, orang kena cukai adalah layak untuk membuat tuntutan kredit input atas input perniagaan dalam membuat pembekalan bercukai.

## Output

**S25: Dalam keadaan barang dipulangkan oleh pelanggan saya, bolehkah saya menuntut CBP yang telah dibayar?**

J25: Ya, anda boleh menuntut CBP yang telah dibayar bagi barang yang dipulangkan dengan mengeluarkan nota kredit kepada pelanggan anda. Anda perlu membuat pelarasan dalam akaun anda dan mengisytiharkannya dalam penyata anda dalam tempoh bercukai yang mana anda mengeluarkan nota kredit.

**S26: Saya telah mengenakan harga yang kurang secara khilaf ke atas barang yang dijual. Bagaimanakah caranya bagi saya mengakaunkan CBP ke atas pembekalan itu?**

J26: Anda perlu mengeluarkan nota debit dan membuat pelarasan dalam akaun anda dan mengisytiharkannya dalam penyata bagi tempoh bercukai yang mana anda mengeluarkan nota debit itu.

**S27: Jika saya memberikan diskaun perdagangan kepada pelanggan saya, bolehkah CBP dikenakan pada harga selepas diskaun?**

J27: Ya, CBP hendaklah dikira berasaskan harga selepas diskaun.

**S28: Apabila sejumlah kuantiti barang diberikan secara percuma sebagai insentif untuk pembelian secara pukal, sebagai contoh bagi setiap pembelian 20 unit barang pada harga RM5,000.00, saya menawarkan 2 unit barang secara percuma kepada pelanggan saya. Adakah saya perlu mengakaunkan CBP di atas 2 barang yang diberikan percuma itu?**

J28: CBP hanya berasaskan pada harga RM5,000.00 memandangkan 2 unit yang diberikan percuma adalah diambilkira sebagai diskaun.

**S29: Setiap tahun saya akan memberikan sejumlah tertentu produk kilang sebagai hadiah perniagaan kepada pelanggan saya. Adakah saya perlu mengakaunkan CBP atas hadiah tersebut?**

J29: Secara prinsipnya, pemberian hadiah kepada pelanggan anda adalah disifatkan sebagai pembekalan bercukai memandangkan ianya dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan anda. Walau bagaimanapun di bawah perundangan CBP, suatu pemberian hadiah adalah bukan pembekalan dan tiada CBP kena dibayar, jika kos hadiah tersebut bernilai kurang daripada RM500.00 dan diberikan kepada orang yang sama dalam tahun yang sama. Dalam kes sebegini, anda tidak perlu mengakaunkan cukai output. Anda dibenarkan untuk menuntut cukai input yang ditanggung bagi hadiah tersebut.

**S30: Saya merancang untuk mengadakan promosi untuk meningkatkan jualan produk saya dengan memberikan barang secara percuma melalui peruncit. Perlukah saya mengakaunkan cukai output atas pemberian produk secara percuma semasa tempoh promosi?**

S30: Ianya bergantung kepada bentuk tawaran yang diberikan oleh anda untuk promosi itu. Jika promosi adalah seperti “beli satu percuma satu” atau “beli satu sofa dan percuma bangku”, ianya diambilkira sebagai satu pembekalan dan kebiasaanya jumlah amaun yang dibayar oleh pembeli akan meliputi semua barang yang ditawarkan. Oleh itu, anda tidak perlu mengakaunkan cukai output atas barang yang diberikan secara percuma kerana ia diambilkira sebagai diskaun.

**S31: Saya merupakan orang berdaftar CBP dan memproses kacang tanah panggang untuk jualan ke pasaran tempatan secara kredit. Tempoh luput keluaran saya adalah enam bulan dan peruncit akan memulangkan barang tersebut apabila tempoh luput sampai dan saya akan membayar balik wang mereka sewajarnya. Bolehkah saya menuntut semula CBP yang dibayar balik kepada para peruncit?**

J31: Ya, anda layak untuk menuntut CBP yang telah dibayar bagi barang yang dipulangkan melalui pelarasan dalam tempoh di mana anda mengeluarkan nota kredit.

**S32: Adakah CBP dikenakan atas perkhidmatan selepas jualan yang disediakan kepada para pelanggan bagi barang yang dijual di bawah waranti?**

J32: Apabila barang dijual di bawah waranti, andaiannya ialah harga jualannya, yang termasuk CBP, biasanya termasuk juga caj untuk perkhidmatan selepas jualan dan pembaikan semasa tempoh waranti. Sebarang penggantian alat-alat ganti yang diberikan secara percuma semasa dalam tempoh waranti adalah tidak tertakluk kepada CBP.

**S33: Adakah saya perlu membayar CBP atas barang (yang dijual di bawah waranti) yang diimport secara sementara ke Malaysia daripada pelanggan luar negara bagi tujuan pembaikan?**

J33: Apabila barang diimport sementara ke Malaysia untuk pembaikan sebelum dieksport semula, anda boleh memohon untuk pelepasan cukai bagi import sementara dengan JKDM di mana pembayaran CBP boleh digantung untuk sementara pada masa pengimportan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan untuk Import*.

**S34: Apakah nilai untuk pengenaan CBP jika harga jualan barang produk pengilangan saya meliputi caj pengangkutan dan perlindungan insuran atas barang tersebut?**

J34: Nilai untuk tujuan CBP adalah termasuk caj pengangkutan dan fi perlindungan insuran. Jika anda hanya menguruskan pengangkutan dan caj pengangkutan dikenakan terus kepada pelanggan, maka pelanggan anda kena membayar CBP bagi caj pengangkutan kepada syarikat pengangkutan.

**S35: Adakah jualan harta modal tertakluk kepada pengenaan CBP?**

J35: Jualan harta, modal kecuali bagi Pemindahan Usaha Berterusan (PPSB), adalah dianggap sebagai membuat pembekalan bercukai. Oleh itu, jualan harta modal itu adalah juga tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

**Eksport**

**S36: Pelanggan tempatan saya membuat pesanan barang daripada saya tetapi meminta saya menghantar barang tersebut kepada pelanggannya di luar negara. Adakah saya perlu mengenakan CBP apabila saya mengeluarkan invois kepada pelanggan tempatan saya?**

J36: Jika anda sendiri mengeksport barang tersebut ke luar negara, anda boleh mengenakan cukai pada kadar sifar walaupun anda mengeluarkan invois jualan kepada pelanggan tempatan.

**S37: Saya membuat mesin untuk pelanggan luar negara. Invois jualan telah dikeluarkan kepadanya, tetapi dia meminta barang tersebut dibekalkan kepada pelanggan tempatannya. Bolehkah saya mengenakan cukai pada kadar sifar bagi jualan mesin itu?**

J37: Tidak, anda tidak boleh mengenakan cukai pada kadar sifar atas jualan mesin tersebut. Walaupun jualan telah dibuat kepada pelanggan luar negara tetapi mesin tersebut tidak dieksport dan masih kekal di Malaysia. Oleh itu, anda perlu mengenakan CBP bagi jualan tersebut walaupun anda mengeluarkan bil atau invois jualan kepada pelanggan luar negara.

**S38: Saya membuat jualan barang kepada pelanggan luar negara. Atas permintaannya, barang tersebut telah dihantar kepada ejen penghantaran tempatan, yang akan menguruskan barang tersebut untuk dieksport ke luar negara. Adakah saya perlu mengenakan CBP kepada pelanggan luar negara?**

J38: Jika pengeksportan dibuat atas nama anda, tiada CBP dikenakan kepada pelanggan luar negara anda. Dalam erti kata lain, jualan barang tersebut boleh dikadar sifarkan jika ianya dieksport oleh anda. Walau bagaimanapun, anda perlu menyimpan dokumen sebagai bukti pengeksportan termasuk Borang Kastam No.2 (Borang Pengikraran Eksport), alamat penghantar, surat

muatan kapal/surat muatan udara, senarai pembungkusan/nota penghantaran, dokumen perkapalan dan dokumen insuran lain.

**S39: Pelanggan tempatan saya mengatakan bahawa barang yang dibelinya daripada saya akan dieksport dan meminta saya mengenakan CBP pada kadar sifar. Bolehkah saya mengenakan CBP pada kadar sifar bagi barang yang dibeli oleh pelanggan tempatan saya?**

J39: Anda sepatutnya mengira pembekalan tersebut sebagai pembekalan tempatan dan anda mestilah mengenakan CBP. Pelanggan anda boleh mengenakan CBP pada kadar sifar bagi pembekalannya kepada pelanggan luar negara jika dia mengeksport barang tersebut.

**S40: Apakah layanan ke atas barang yang dieksport sementara untuk tujuan pembaikan dan kemudiannya diimport semula?**

J40: Barang yang dieksport sementara untuk pembaikan dan kemudiannya diimport semula akan diberi pelepasan cukai. Walau bagaimanapun, apa-apa penggantian kepada bahagian dan komponen yang ditambah ke atas barang tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada masa pengimportan. Sila rujuk kepada Perintah (Pelepasan) CBP 20XX.

### **Pemajakkan Keluar/Masuk (Kerja-Kerja Subkontrak)**

**S41: Jika saya merupakan pengilang yang menjalankan kerja subkontrak, bolehkah saya menuntut kredit cukai input bagi pembelian saya?**

J41: Ya, anda dibenarkan menuntut cukai input bagi CBP yang dibayar atas pembelian anda, walaupun anda tidak mengeluarkan barang sendiri. Selagi anda merupakan orang berdaftar CBP yang membuat pembekalan bercukai seperti menyediakan kemahiran dan kerja nilai tambah, anda boleh menuntut cukai input atas pembelian anda. Salinan asal invois cukai daripada para pembekal hendaklah disimpan bagi menyokong tuntutan kredit cukai input anda.

**S42: Bagaimanakah layanan CBP jika saya sebagai subkontraktor terlibat dalam kontrak pengilangan dengan prinsipal luar negara bagi penghantaran tempatan serta untuk tujuan eksport?**



J42: Terdapat suatu skim yang dikenali sebagai " Skim Pengilang Tol Diluluskan (SPT)" untuk meringankan beban pengilang tol yang banyak terlibat dalam perniagaan dengan prinsipal luar negara. Di bawah skim ini, anda sebagai pengilang tol layak untuk menggantung pembayaran CBP ke atas barang yang diimport yang dibekalkan oleh prinsipal luar negara anda, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan di bawah Skim Pedagang Diluluskan (SPL).

**S43: Saya tidak dapat memenuhi keperluan di bawah SPT di mana peratusan 'drop-shipment' adalah lebih daripada 20%. Apakah implikasi CBP ke atas barang diproses yang saya hantar ke pasaran tempatan?**

J43: Dalam kes di mana anda tidak layak memohon untuk SPT, barang yang diproses yang dihantar ke pasaran tempatan dianggap sebagai pembekalan dan oleh itu adalah tertakluk kepada GST. Ini adalah kerana pemilikan barang dipindahkan (di bawah perjanjian bagi penjualan barang) daripada pengilang tol kepada pelanggan tempatan.

#### **Perkara Lain Yang Berkaitan**

**S44: Jika saya meminjamkan sebahagian bahan kepada pengilang lain bagi kegunaan segera, adakah saya perlu mengakaunkan cukai output CBP?**

J44: Ya, ia adalah suatu pembekalan kerana aset perniagaan dipindahkan kepada pengilang lain.

**S45: Jika saya meminjamkan sebuah mesin kepada pengilang lain untuk kegunaannya, adakah saya perlu mengakaunkan cukai output CBP?**

J45: Ya, CBP adalah kena dibayar kerana ia dikira sebagai suatu pembekalan perkhidmatan walaupun pinjaman itu adalah bukan untuk suatu balasan. Anda perlu mengakaunkan CBP berdasarkan nilai pasaran terbuka bagi pembekalan perkhidmatan sedemikian.

**S46: Barang saya telah hilang dalam perjalanan semasa penghantaran kepada pembeli. Adakah saya perlu mengakaunkan CBP?**

J46: Ia bergantung kepada perjanjian antara anda dan pembeli. Sekiranya kontrak tersebut meletakkan tanggungan kepada mana-mana pihak (jualan telah

berlaku) , maka anda hendaklah mengakaunkan CBP walaupun barang hilang semasa penghantaran. Walau bagaimanapun, sekiranya anda ingin membatalkan jualan tersebut, anda boleh berbuat sedemikian dan jika invois cukai telah dikeluarkan, anda hendaklah mengeluarkan nota kredit untuk mengkontrakan CBP yang kena dibayar. Sebaliknya, jika kontrak tersebut tidak menyatakan tanggungan CBP kepada mana-mana pihak, tiada tanggungan CBP atas barang yang hilang semasa penghantaran.

**S47: Apakah yang akan berlaku jika pelanggan saya gagal untuk membuat pembayaran atas barang yang telah dibekalkan yang mana cukai output telah diakaunkan?**

J47: Anda boleh membuat tuntutan pelepasan hutang lapuk ke atas hutang itu atau apa-apa hutang ragu sama ada ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada cukai output CBP yang telah dibayar atas pembekalan bercukai tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) anda telah mengakaunkan dan telah membayar cukai bagi pembekalan tersebut,
- (b) anda masih belum menerima apa-apa bayaran atau sebahagian pembayaran dalam tempoh 6 bulan daripada masa pembekalan atau siberhutang menjadi tidak mampu (insolvensi) sebelum tempoh enam bulan berakhir, dan
- (c) anda telah berusaha secara mencukupi untuk mendapatkan kembali hutang itu.

**S48: Apakah layanan CBP ke atas pelupusan sisa pengilangan?**

J48: Jika sisa dimusnahkan, tiada CBP kena dibayar sebab tiada pembekalan dibuat. Walau bagaimanapun, jika anda memutuskan untuk menjual sisa tersebut, CBP hendaklah dikenakan ke atas jualan itu.

**S49: Saya menerima barang di dalam kotak karton dan palet kayu. Bahan pembungkusan ini akan diambil oleh orang yang dilantik yang membersihkan kawasan pemunggaran. Apakah layanan CBP?**

J49: Oleh kerana, bahan pembungkusan tersebut tidak direkodkan sebagai aset syarikat, anda tidak perlu mengakaunkan CBP.

## **MAKLUMBALAS DAN KOMEN**

29. Sebarang maklum balas atau komen adalah sangat dihargai. Sila e-mel maklum balas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m\_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT**

30. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman web CBP : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline GST : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam :
  - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03-78067599
  - E-mel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)